A

Pendakwa Raya lwn Khairil Azman bin Khairil Norosli

B

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — PERMOHONAN SEMAKAN JENAYAH NO JA-43–8–04 TAHUN 2020
ABU BAKAR KATAR H
22 APRIL 2020

C

Prosedur Jenayah — Semakan — Semakan Jenayah — Pemohon dituduh di bawah s 186 Kanun Keseksaan dan peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 — Pemohon mengaku bersalah dan dijatuhkan hukuman denda jika ingkar penjara — Sama ada pertuduhan cacat — Sama ada pertuduhan mendedahkan kesalahan — Kanun Tatacara Jenayah s 323(1) — Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 peraturan 3(1)

D

E

Pada 5 April 2020 jam lebih kurang 12.45 pagi, Lans Korporal Muhammad Zulfiqar bin Ismail ('pengadu') menjalankan rondaan perintah kawalan pergerakan ('PKP') di kawasan Taman Ungku Tun Aminah. Semasa menjalankan rondaan sebuah kereta telah melanggar lampu isyarat merah di Jalan Tun Teja, Taman Ungku Tun Aminah. Pengadu telah mengejar dan menghampiri kereta tersebut dan memperkenalkan diri sebagai pegawai polis. Pengadu meminta pemandu kereta tersebut ('pemohon') memberhentikan keretanya tetapi pemohon terus memecut keretanya dan melarikan diri. Pengadu akhirnya berjaya menahan kereta tersebut dan telah membuat tangkapan atas pemohon. Pemohon telah dituduh di Mahkamah Majistret Johor Bahru, atas pertuduhan melibatkan kesalahan di bawah s 186 Kanun Keseksaan bagi pertuduhan pertama dan di bawah peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 ('Peraturan-Peraturan') bagi pertuduhan kedua. Pemohon telah mengaku bersalah atas kedua-dua pertuduhan di hadapan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Johor Bahru yang bersidang sebagai majistret secara ex-officio ('Puan Majistret'). Puan Majistret menjatuhkan hukuman denda RM1,500 jika ingkar satu bulan penjara bagi pertuduhan pertama. Bagi pertuduhan kedua, pemohon dijatuhkan hukuman denda RM500 jika ingkar sepuluh hari penjara. Pemohon gagal menjelaskan bayaran denda yang diperintahkan oleh Puan Majistret dan pemohon akhirnya menjalani hukuman penjara di penjara Kluang. Pemohon memohon Mahkamah Tinggi Johor Bahru menjalankan kuasa semakan di bawah s 323(1) Kanun Tatacara Jenayah.

F

G

H

I

Diputuskan:

(1) Tanpa frasa 'bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan' dalam pertuduhan kedua ia menyebabkan pertuduhan terhadap pemohon cacat dan tidak mendedahkan kesalahan di bawah peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan. Pertuduhan kedua yang dirangka oleh pendakwaan cacat kerana tidak mendedahkan kesalahan di bawah peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan. Puan Majistret gagal menghayati fakta yang dikemukakan secara lisan oleh timbalan pendakwa raya yang mengendalikan pendakwaan tidak mendedahkan kesalahan yang dilakukan oleh pemohon (lihat perenggan 14, 17 & 19).

(2) Sabitan dan hukuman atas pemohon bagi pertuduhan kedua diakaskan. Pemohon dilepas dan bebas daripada pertuduhan kedua. Sabitan dan hukuman bagi pertuduhan pertama melibatkan kesalahan di bawah s 186 Kanun Keseksaan disahkan (lihat perenggan 22).

[English summary

On 5 April 2020 at approximately 12.45am, Lance Cpl Muhammad Zulfiqar bin Ismail ('the complainant') conducted patrols of the movement control order ('MCO') at Taman Ungku Tun Aminah area. During the patrol a car had ran a red traffic light at Jalan Tun Teja, Taman Ungku Tun Aminah. The complainant pursued and approached the car and identified himself as a police officer. The complainant asked the driver ('the applicant') to stop the car but the applicant continued to speed off and ran away. The complainant eventually got hold of the car and made an arrest on the applicant. The applicant had been charged at the Johor Bahru Magistrate Court for the offence under s 186 of the Penal Code for the first charge and under r 3(1) of the Prevention and Control of Infectious Diseases (Measures within the Infected Local Areas) Regulations 2020 ('the Regulations') for the second charge. The applicant had pleaded guilty to both charges before a Senior Assistant Registrar of the Johor Bahru High Court who was sitting as an ex-officio magistrate ('the magistrate'). The magistrate sentenced him to a fine of RM1,500 in default of one month imprisonment. On the second charge, the applicant was sentenced to a fine of RM500 in default of ten days imprisonment. The applicant failed to pay the fine ordered by the magistrate and the applicant was eventually sentenced to Kluang prison. The applicant had applied for the Johor Bahru High Court to exercise its review power under s 323(1) of the Criminal Procedure Code.

Held:

(1) Without the phrase 'make any journey from one place to another place within any infected local area' in the second charge it resulted in the charge against the applicant being defective and not disclosing the offence under r 3(1) of the Regulations. The second charge framed by the

prosecution was defective for failing to disclose the offence under r 3(1) of the Regulations. The magistrate failed to appreciate the fact that was orally submitted by the Deputy Prosecutor who conducted the prosecution did not disclose the offence committed by the applicant (see paras 14, 17 & 19).

(2) The conviction and sentence on the applicant for the second charge was reversed. The applicant was acquitted and discharged from the second charge. The conviction and sentence for the first charge involving an offence under s 186 of the Penal Code was affirmed (see para 22).]

Cases referred to

Lee Swee Tee v PP [1960] 1 MLJ 161; [1960] 1 LNS 58 (refd)
Liaw Kwai Wah & Anor v PP [1987] 2 MLJ 69; [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163, SC (refd)
Mathivanan Mahathevan v PP [2018] 2 CLJ 469, HC (refd)
Mohammad bin Hassan v PP [1998] 5 MLJ 65; [1997] 1 CLJ Supp 485, HC (refd)
Quek Ching Kim v Regina [1956] 1 MLJ 54; [1955] 1 LNS 104 (refd)

Legislation referred to

Akta Mahkamah Rendah 1948 s 77(1), Jadual Keempat
Kanun Keseksaan s 186
Kanun Tatacara Jenayah s 323(1)
Ordinan Rumah Perjudian Tempat Terbuka [SG] s 4(c)
Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No 2) 2020 peraturan 3(1)

Tertuduh tidak diwakili (kehadiran dikecualikan) bagi pihak pemohon.
Faizal @ Amrin bin Noor Hadi (Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor) bagi pihak responden.

Abu Bakar Katar H:

PENGENALAN

[1] Pemohon telah dituduh di Mahkamah Majistret, Johor Bahru, Johor Darul Takzim, atas pertuduhan dua pertuduhan yang berbunyi seperti berikut:

TUDUHAN PERTAMA:

Bahawa kamu pada 5.4.2020 jam lebih kurang 12.45 pagi di kawasan Jalan Tun Teja, Taman Ungku Tun Aminah, Skudai, di dalam Daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor telah dengan sukarela menghalang penjawat awam pegawai polis iaitu:

Muhammad Zulfiqar Bin Ismail (RF/187736) dalam menjalankan fungsi awamnya dan kamu adalah dengan ini melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 186 Kanun Keseksaan.

TUDUHAN KEDUA:

Bahawa kamu pada 5.4.2020 jam lebih kurang 12.45 pagi di kawasan Jalan Tun Teja, Taman Ungku Tun Aminah, Skudai, di dalam Daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor yang merupakan tempat dalam kawasan tempatan jangkitan yang bukan bertujuan untuk melakukan mana-mana perkara yang diperuntukan di bawah Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020, oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Peraturan 11(1) Peraturan-Peraturan Pencegahan & Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020.

[2] Pada 6 April 2020 pemohon telah mengaku bersalah atas kedua-dua pertuduhan di hadapan Puan Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Malaya, Johor Bahru, Johor yang bersidang sebagai majistret secara ex-officio ('Puan Majistret itu') mengikut peruntukan s 77(1) Akta Mahkamah Rendah 1948 dan Jadual Keempat. Puan Majistret itu menjatuhkan hukuman denda RM1,500 jika ingkar satu bulan penjara bagi pertuduhan pertama. Bagi pertuduhan kedua, pemohon dijatuhkan hukuman denda RM500 jika ingkar sepuluh hari penjara. Pemohon gagal menjelaskan bayaran denda yang diperintahkan oleh Puan Majistret itu dan pemohon akhirnya menjalani hukuman penjara di Penjara Kluang (Nombor Banduan: SMPP 5–18–00967 JKL).

[3] Pemohon melalui Jabatan Penjara Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang, Selangor melalui suratnya bertarikh 10 April 2020 mengutus surat memohon Mahkamah Tinggi, Malaya, Johor Bahru menjalankan kuasa semakan di bawah s 323(1) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'). Mahkamah ini hanya menerima surat Jabatan Penjara tersebut pada 14 April 2020.

[4] Mahkamah ini mengambil maklum arahan YAA Hakim Besar Malaya yang disampaikan melalui e-mail Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan, Malaysia bertarikh 6 April 2020 jam 10.42 pagi menyarankan semua kes yang melibatkan perintah kawalan pergerakan ('PKP') didengar dengan kadar segera di mahkamah terbuka.

[5] Mahkamah ini telah menetapkan pendengaran permohonan semakan jenayah pemohon pada 15 April 2020 di mahkamah terbuka.

LATAR BELAKANG KES

[6] Bagi memudahkan memahami permohonan semakan jenayah yang dipohon oleh pemohon, eloklah dibentangkan fakta kes yang mahkamah ini saring daripada laporan polis yang dibuat oleh L/Kpl Muhammad Zulfiqar bin Ismail ('pengadu') yang bertugas di Balai Polis Taman Ungku Tun Aminah sebagaimana Tun Aminah Report No 002162–2163/2020.

[7] Pada 5 April 2020 jam lebih kurang 0045 hrs, pengadu menjalankan rondaan PKP bersama kawannya Kons 24514 dengan menunggang motorsikal PDRM di Kawasan Taman Ungku Tun Aminah. Semasa menjalankan rondaan telah nampak sebuah kereta jenis Toyota Vios nombor pendaftaran JLR 894 telah melanggar lampu isyarat merah di Jalan Tun Teja, Taman Ungku Tun Aminah. Pengadu telah mengejar dan menghampiri kereta tersebut dan memperkenalkan diri sebagai pegawai polis. Pengadu meminta pemandu kereta tersebut ('pemohon') memberhentikan keretanya tetapi pemandu terus memecut keretanya dan melarikan diri. Pengadu akhirnya berjaya menahan kereta tersebut di tepi Jalan Pahlawan 10, Taman Ungku Tun Aminah. Pengadu kemudiannya telah membuat tangkapan atas pemohon dan seorang lagi penumpang bernama Nur Aqilah Akma bt Alham. Pengadu kemudiannya telah membawa balik kereta dan pemohon dan Nur Aqilah ke Balai Taman Ungku Tun Aminah untuk tindakan lanjut.

MERIT PERMOHONAN SEMAKAN JENAYAH PEMOHON

[8] Sebelum mahkamah ini menyentuh permohonan semakan jenayah yang dipohon oleh pemohon, eloklah disentuh serba ringkas kesalahan yang dikatakan dilakukan oleh pemohon ketika seluruh Malaysia diumumkan perintah kawalan pergerakan bagi kes ini melibatkan fasa kedua yang bermula dari 1–14 April 2020 (*Warta* PU(A) 109 bertarikh 31 Mac 2020).

[9] Mahkamah ini menyelusuri pengumuman oleh YAB Perdana Menteri, Malaysia iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 16 Mac 2020 semasa mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan untuk Fasa Pertama iaitu 18–31 Mac 2020. YAB Perdana Menteri dengan nada yang penuh berhemah menyatakan:

> Sehingga ini wabak Covid-19 telah merebak di 135 buah negara. Seramai 162,711 orang telah disahkan positif Covid-19 di seluruh dunia. Daripada jumlah ini, seramai 6,443 orang telah meninggal dunia.
>
> Di Malaysia, telah berlaku peningkatan kes Covid-19 secara mendadak, iaitu 190 kes semalam, disusuli 125 kes baharu hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan individu yang dijangkiti wabak ini adalah sebanyak 553 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 511 orang sedang dirawat di hospital, manakala 42 orang telah pulih.

Kerajaan memandang serius semasa ancaman virus berbahaya ini terutama perkembangan gelombang kedua. Keutamaan Kerajaan pada masa ini adalah untuk mencegah penularan baharu wabak ini yang dibimbangi akan menjangkiti lebih ramai rakyat. Situasi semasa wabak ini memerlukan tindakan drastik diambil bagi memulihkan keadaan secepat mungkin.

Untuk itu, Kerajaan *memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan, mulai 18 Mac 2020, iaitu lusa hingga 31 Mac 2020, di seluruh negara*. Perintah Kawalan ini dibuat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 ...

[10] Berbalik kepada permohonan semakan jenayah pemohon, sebelum prosiding diteruskan timbalan pendawa raya ('TPR') memaklumkan pihak pemohon melalui surat Jabatan Penjara Kajang memaklumkan pihak pemohon tidak berhasrat untuk meneruskan permohonan semakan jenayahnya. TPR memohon agar semakan jenayah ini dibatalkan.

[11] Mahkamah ini menzahirkan niatnya untuk meneruskan semakan ini di bawah s 323(1) KTJ memandangkan setelah meneliti nota prosiding di hadapan Puan Majistret itu terdapat beberapa perkara yang perlu diperbetulkan. Mahkamah ini merujuk peruntukan s 323(1) KTJ yang memperuntukan seperti berikut:

s 323(1) A Judge may call for and examine the record of any proceeding before any subordinate Criminal Court for the purpose of satisfying himself as to the correctness, legality or propriety of any finding, sentence or order recorded or passed, and as to the regularity of any proceedings of that subordinate Court.

[12] Mahkamah ini sedar tujuan kuasa semakan ini ada di rungkai dalam kes *Liaw Kwai Wah & Anor v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 69; [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ Rep 163, di mana YAA Abdul Hamid Ketua Hakim Negara (pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

We would observe that the power of revision is to be exercised in accordance with the law for the time being in force relating to criminal procedure. In the present case that law is the Criminal Procedure Code. We would also observe that the object of the revisionary powers provided for in the Code is:

... to confer upon criminal courts a kind of paternal or supervisory jurisdiction, in order to correct miscarriage of justice arising from misconception of law, irregularity of procedure, neglect of proper precautions or apparent harshness of treatment, which has resulted on the one hand in some injury to the due maintenance of law and order, or on the other hand, in some undeserved hardship to individuals.

[13] Mahkamah ini akan merujuk isu pertuduhan yang cacat bagi pertuduhan kedua melibatkan kesalahan peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No 2) 2020 ('Peraturan-Peraturan itu'). TPR

secara jujurnya mengakui dan bersetuju pertuduhan kedua melibatkan kesalahan peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan itu terhadap pemohon cacat. Sebelum mahkamah ini menyentuh isu pertuduhan kedua ini, eloklah diperturunkan peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan itu yang berbunyi seperti berikut:

> 3(1) Tiada seorang pun boleh bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan atau dari satu kawasan tempatan jangkitan ke suatu kawasan tempatan jangkitan yang lain kecuali bagi maksud di bawah sub peraturan (2) ...

[14] Mahkamah ini telah meneliti pertuduhan kedua yang dirangka oleh pendakwaan terhadap pemohon. Pertuduhan kedua sekadar menyatakan pemohon berada '*di kawasan Jalan Tun Teja, Taman Ungku Tun Aminah, Skudai, di dalam Daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor yang merupakan tempat dalam kawasan tempatan jangkitan*'. Pertuduhan kedua tidak menyatakan intipati penting bagi kesalahan peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan itu iaitu frasa '*bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan*'. Mahkamah ini berpendapat tanpa frasa '*bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan*' dalam pertuduhan kedua ia menyebabkan pertuduhan terhadap pemohon cacat dan tidak mendedahkan kesalahan di bawah peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan itu.

[15] Mahkamah ini merujuk kes *Mathivanan Mahathevan v Public Prosecutor* [2018] 2 CLJ 469, di mana YA Vazeer Alam Mydin Meera H (pada ketika itu) ada menekankan kepentingan merangka pertuduhan seperti berikut:

> [17] The importance of properly framing the charge cannot be understated. Section 152(1) of the CPC requires every charge to clearly state the offence with which the accused is charged. There is a specific duty imposed on the prosecution to frame the charge with sufficient particulars so that the accused is given adequate notice. See: *Public Prosecutor v Raymond Chia Kim Chwee & Anor*, *Zainal bin Hj Ali v Public Prosecutor* [1985] 2 MLJ 436; [1985] 2 CLJ 457; [1985] CLJ Rep 260 (SC); *Public Prosecutor v Chung Tshun Tin & Ors* [2008] 1 MLJ 559; [2007] 10 CLJ 527.

[16] Selanjutnya, mahkamah ini merujuk kes *Quek Ching Kim v Regina* [1956] 1 MLJ 54; [1955] 1 LNS 104, rayuan atas sabitan dibenarkan kerana pertuduhan tidak mendedahkan apa-apa kesalahan melibatkan s 4(c) Ordinan Rumah Perjudian Tempat Terbuka. Begitu juga dalam kes *Lee Swee Tee v Public Prosecutor* [1960] 1 MLJ 161; [1960] 1 LNS 58, mahkamah memutuskan pertuduhan cacat dan tidak mendedahkan apa-apa kesalahan. Perbicaraan dan sabitan menyebabkan tidak sah.

[17] Berdasarkan nas-nas duluan yang dirujuk, mahkamah ini berpendapat pertuduhan kedua yang dirangka oleh pendakwaan cacat kerana tidak mendedahkan kesalahan di bawah peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan itu. Puan Majistret itu tidak menghayati pertuduhan kedua yang cacat dan amat malang sekali TPR yang hadir di hadapan Puan Majistret itu juga tidak menyedari kecacatan pertuduhan kedua. Mahkamah ini berpendapat merujuk peruntukan s 323(1) KTJ, mahkamah ini menyentuh isu pertuduhan kedua.

[18] Mahkamah ini juga meneliti fakta kes yang dikemukakan secara lisan oleh TPR gagal dihayati oleh Puan Majistret itu. Fakta kes yang dikemukakan secara lisan langsung tidak mendedahkan kesalahan peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan itu. Bagi memahami penghakiman ini, eloklah di rujuk fakta kes yang dikemukakan secara lisan oleh TPR seperti berikut:

> Pada 5 April 2020 jam lebih kurang 12.45 pagi pihak polis mendapati kamu telah berada di Jalan Tun Teja, Taman Ungku Tun Aminah, Skudai dalam Daerah Johor Bahru tanpa apa-apa alasan yang munasabah untuk berada di situ. Oleh itu kamu telah melakukan kesalahan sepertimana pertuduhan dan kamu juga secara sukarela menghalang penjawat awam seorang pegawai polis iaitu Muhammad Zulfiqar Bin Ismail untuk menjalankan tugasnya pada waktu dan tarikh yang sama.

[19] Mahkamah ini berpendapat Puan Majistret itu gagal menghayati fakta yang dikemukakan secara lisan oleh TPR yang mengendalikan pendakwaan tidak mendedahkan kesalahan yang dilakukan oleh pemohon khasnya peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan itu. Fakta kes tidak menyatakan sama ada pemohon '*bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan*'. Fakta lisan sekadar menyatakan pemohon berada di Jalan Tun Teja, Taman Ungku Tun Aminah tanpa menyatakan pergerakan di dalam mana-mana kawasan tempatan jangkitan.

[20] Mahkamah ini merujuk kes *Mathivanan Mahathevan* ada menyentuh kepentingannya fakta kes seperti berikut:

> (2) The facts of case must reflect and support the charge. The purpose for which the facts of case is tendered by the prosecution following a plea of guilty is for the court to satisfy itself that the facts constitute the offence charged. However, the facts of case did not support the charge under s 4 of the Act as framed in the amended charge. There were glaring contradictions in terms of date, time and place. The entirety of the facts of case referred to the first charge and was absolutely unconnected to the amended charge (paras 25, 26 & 27).

[21] Mahkamah ini turut merujuk kes *Mohammad bin Hassan v Public Prosecutor* [1998] 5 MLJ 65; [1997] 1 CLJ Supp 485 dimana YA Augustine Paul PK (pada ketika itu) ada menyuarakan pandangannya seperti berikut:

> [4d] The facts presented to the Court after a plea of guilty should be a short summary of the facts of the case.

The length of the narrative will depend on the nature of the charge and seriousness of the case.

It is not required to be some kind of litany in which the wording of the section of the Act under which the accused has been charged should be faithfully reproduced.

It should be confined to facts which the prosecution is able to prove and then only to facts necessary to establish the charge. (Penekanan ditambah.)

[22] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, Puan Majistret itu gagal menghayati pertuduhan kedua yang cacat dan fakta kes yang dibentangkan secara lisan oleh TPR tidak mendedahkan kesalahan di bawah peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan itu. Mahkamah ini mengunakan kuasa semakan di bawah s 323(1) KTJ dan memerintahkan sabitan dan hukuman atas pertuduhan kedua diakaskan. Pemohon diperintahkan lepas dan bebas daripada pertuduhan kedua. Mahkamah ini mengesahkan sabitan dan hukuman bagi pertuduhan pertama melibatkan kesalahan di bawah s 186 Kanun Keseksaan.

KESIMPULAN

[23] Mahkamah ini memerintahkan sabitan dan hukuman atas pemohon bagi pertuduhan kedua diakaskan. Selanjutnya, mahkamah ini memerintahkan pemohon dilepas dan bebas daripada pertuduhan kedua. Mahkamah ini turut mengesahkan sabitan dan hukuman atas pemohon bagi pertuduhan pertama melibatkan kesalahan di bawah s 186 Kanun Keseksaan.

Perintah sewajarnya.

Dilaporkan oleh Ahmad Ismail Illman Mohd Razali